



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**FAKTOR-FAKTOR YANG BERKAITAN
DENGAN PENGLIBATAN PENGUSAHA-PENGUSAHA
PROJEK EKONOMI DI KAWASAN KETENGAH
DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN**

OMAR BIN ISMAIL

FPP L 1994 15

**FAKTOR-FAKTOR YANG BERKAITAN
DENGAN PENGLIBATAN PENGUSAHA-PENGUSAHA
PROJEK EKONOMI DI KAWASAN KETENGAH
DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN**

Oleh

OMAR BIN ISMAIL

**Kertas Projek Yang Dikemukakan Untuk
Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat Ijazah Master Sains (HRD)
Di Pusat Pengembangan Dan Pendidikan
Lanjutan, Universiti Pertanian Malaysia**

September 1994



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya kepada Allah S.W.T. di atas limpah kurnianya kajian ini dapat disiapkan. Kesempatan di sini juga digunakan untuk merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Dr. Haji Bahari Bin Yatim terhadap segala bentuk bimbingan dan buah fikiran dalam menyempurnakan kajian ini.

Ucapan penghargaan selanjutnya ditujukan kepada pihak pengurusan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah yang telah memberi peluang kepada saya untuk menyambung pelajaran di peringkat ijazah lanjutan di bawah memorandum persefahaman dengan pihak Universiti Pertanian Malaysia. Melalui program persefahaman ini diharapkan semoga lebih ramai lagi pegawai-pegawai lain dapat melanjutkan pelajaran mereka pada masa hadapan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah dan lain-lain kakitangan Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Pertanian Malaysia yang telah memberikan segala bentuk pertolongan dan buah fikiran dalam mengendalikan kajian ini. Tidak lupa juga saya rakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan terutamanya Encik Noor Azmi bin Nordin, Encik Mazlan bin Lazim dan Encik Lee Yen Thing yang telah banyak memberikan pendapat dan pertolongan serta menjadikan kehidupan semasa tempoh pengajian ini begitu menarik dan meninggalkan banyak kenangan.

Akhir sekali, saya merakamkan penghargaan kepada kesemua ahli keluarga khususnya isteri tersayang Hanisah bt Abdullah dan anak-anak Balkis, Muhammad Adib, Suhaili, Anis Adiba dan Nuraisyaton di atas pengorbanan dan toleransi yang telah dibuktikan terutamanya semasa ketiadaan penulis di rumah sepanjang tempoh pembelajaran. Pengorbanan anda semua menjadi perangsang untuk penulis meneruskan pelajaran hingga ke saat jaya.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xii
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Peranan KETENGAH Dalam Pembangunan Masyarakat ..	2
Latar Belakang Masalah	4
Kenyataan Masalah	9
Objektif Kajian	10
Kepentingan kajian	11
Batasan Kajian	11
Definisi Istilah	12
11 PENULISAN SEMULA KAJIAN	14
Pembangunan Masyarakat	14
Konsep	14
Matlamat	17
Teori Motivasi Terhadap Perlakuan dan Kepuasan	19
Konsep Motivasi	19
Pengalaman Mempengaruhi Perlakuan	19
Teori Motivasi	22
Peringkat Keperluan Maslow	22
Teori ERG	23
Teori Keperluan McClelland's	24
Teori Herzberg's Dua Faktor	25
Konsep Penglibatan Dalam Membuat Keputusan	26
Takrif penglibatan	26



Takrif Membuat Keputusan	28
Proses Membuat Keputusan	28
Teori Berkait Dengan Penglibatan	29
Rumusan Konsep dan Teori Mengenai Penglibatan Dalam Membuat Keputusan	34
Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Dalam Membuat Keputusan	35
Demografi	35
Komunikasi	38
Sikap	43
Ciri-ciri Personaliti	45
Kerangka Konseptual Kajian	47
111. METODOLOGI	51
Lokasi Kajian	51
Populasi dan Prosedur Persampelan	53
Soalan Soal Selidik	55
Angkubah Sandar	57
Angkubah Bebas	58
Faktor Demografi	
Umur	58
Taraf Pendidikan	59
Pendapatan Keluarga	59
Latihan	59
Keanggotaan Dalam Organisasi	60
Saiz Projek	60
Faktor Komunikasi	
Pendedahan Kepada Maklumat	61
Usaha Pengembangan Oleh Agensi Pelaksana	62
Faktor Sikap	
Sikap Responden Terhadap Pegawai Agensi Pelaksana	63
Sikap Responden Terhadap Pembaharuan	64
Faktor Ciri-ciri Personaliti	64
Pengumpulan Data	65
Analisa Data	65
IV HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	66
Latar Belakang Responden	66
Umur dan Tahap Pendidikan	66
Pendapatan dan Keluasan Tanah Usaha	69
Keanggotaan Responden Dalam Organisasi Setempat dan Kekerapan mengikuti Latihan	72

Ciri-ciri Angkubah Bebas Kajian	73
Pendedahan Kepada Maklumat	73
Pandangan Responden Terhadap Usaha	
Pengembangan Agensi	74
Sikap Responden Terhadap Pegawai Agensi Pelaksana	75
Sikap Responden Terhadap Pembaharuan	76
Ciri-ciri Personaliti	77
Orientasi Pencapaian	78
Urusan Publik ("Efficacy in Public Affair")	78
Orientasi Perancangan	79
Optimistik (Optimism)	81
Tahap Penglibatan Responden Dalam Membuat Keputusan	81
Tahap Penglibatan Mengikut Skor	83
Lain-lain Pihak Yang Terlibat Dalam Membuat Keputusan	88
Analisa Perkaitan Antara Beberapa Angkubah Bebas Terpilih	
Dan Tahap Penglibatan Dalam Membuat Keputusan	89
Hubungan Faktor Demografi Dengan Penglibatan	90
Hubungan Faktor Komunikasi Dengan Penglibatan	94
Hubungan Faktor Sikap Dan Penglibatan	95
Hubungan faktor Ciri-ciri Personaliti Dan	
Penglibatan	97
Hubungan Beberapa Kelompok Angkubah	
Bebas Dan Penglibatan	99

V RINGKASAN, RUMUSAN IMPLIKASI DAN CADANGAN	103
---	-----

Ringkasan	
Latar Belakang Masalah	103
Objektif Kajian	104
Metodologi Kajian	105
Rumusan Hasil Kajian	106
Implikasi Kajian	108
Cadangan Bagi Kajian Akan Datang	112

RUJUKAN	114
---------	-----

LAMPIRAN

A Senarai Bilangan Penduduk Kampung Tradisional Yang Terlibat Dalam Latihan KETENGAH/UPM	120
B Soalan Soal Selidek	122

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1.	Taburan Responden Mengikut Pemilihan Sampel Dengan Menggunakan Teknik Persempelan Bernisbah	55
2	Taburan Responden Mengikut Umur	67
3	Peratus Responden Mengikut Status Perkahwinan	68
4	Peratus Responden Mengikut Jantina	69
5	Taburan Pendapatan Responden Mengikut Luas Projek Di Usahakan Sebelum Menghadiri Kursus KETENGAH ...	70
6	Taburan Pendapatan Keluarga Responden Sebelum dan Selepas Menyertai Kursus KETENGAH	71
7	Taburan Responden Mengikut Keanggotaan Dalam Organisasi Setempat dan Ke kerap an Mengikuti Latihan ...	73
8	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendedahan Kepada Maklumat	74
9	Taburan Responden Mengikut Skor Usaha Pengembangan .	75
10	Taburan Responden Mengikut Tahap Tanggapan Sikap Terhadap Pegawai-pegawai Kerajaan	76
11	Taburan Responden Mengikut Tahap Tanggapan Sikap Terhadap Pembaharuan	77
12	Taburan Responden Mengikut Skor Ciri-ciri Personaliti Orientasi Pencapaian	79
13	Taburan Responden Mengikut Skor Ciri-ciri Personaliti Urusan Publik	80
14	Taburan Responden Mengikut Skor Ciri-ciri Personaliti Orientasi Perancangan	80
15	Taburan Responden Mengikut Skor Ciri-ciri Personaliti Optimistik	81
16	Peratus Responden Yang Terlibat Dalam Membuat Keputusan Bagi Setiap Perkara Yang Di Kaji	82



17	Taburan Responden Mengikut Tahap Penglibatan Dalam Membuat Keputusan Mengenai Amalan Perkara-perkara Baru Dalam Aktiviti-aktiviti Ekonomi	85
18	Taburan Responden Mengikut Tahap Penglibatan Dalam Membuat Keputusan Mengenai Amalan Perkara-perkara Umum Dalam Aktiviti-aktiviti Ekonomi	86
19	Taburan Responden Mengikut Jumlah Skor Tahap Keputusan Mengenai Aktiviti Ekonomi	87
20	Taburan Responden Mengikut Kekuatan Pihak Lain Yang Mempengaruhi Mereka Dalam Membuat Keputusan .	89
21	Ujian Korelasi Pearson Antara Penglibatan Dalam Membuat Keputusan Dan Beberapa Faktor Demografi	90
22	Purata Skor Penglibatan Dalam Membuat Keputusan Untuk Kumpulan Yang Tidak Pernah Bersekolah dan Kumpulan Yang Bersekolah	92
23	Purata Skor Penglibatan Dalam Membuat Keputusan Kumpulan Yang Menghadiri Kursus KETENGAH/UPM dan Kumpulan Yang Tidak Menghadiri Kursus KETENGAH/UPM Serta Lain-lain	93
24	Purata Skor Dalam Membuat Keputusan Antara Kumpulan Yang Menganggotai Organisasi dan Yang Tidak Menganggotai	94
25	Ujian Korelasi Pearson Antara Penglibatan Dalam Membuat Keputusan Dan Angkubah Bebas Faktor Komunikasi	95
26	Ujian Korelasi Pearson Antara Penglibatan Dalam Membuat Keputusan Dan Angkubah Bebas Faktor Sikap	96
27	Ujian Korelasi Pearson Antara Penglibatan Dalam Membuat Keputusan Dan Angkubah Bebas Faktor Ciri-ciri Personaliti .	98
28	Hasil Ujian Korelasi Pearson Antara Empat Kelompok Angkubah Bebas Dan Penglibatan Dalam Membuat Keputusan	102



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Kerangka Konseptual Kajian	50
2	Peta Menunjukkan Lokasi Kajian	52



ABSTRAK

Kajian ini dikendalikan untuk mengetahui faktor-faktor yang berkaitan dengan tahap penglibatan responden berbanding dengan pihak lain, dalam konteks membuat keputusan mengenai projek ekonomi utama yang dilakukan oleh mereka. Objektif kajian ialah untuk menentukan tahap penglibatan pengusaha-pengusaha projek ekonomi di KETENGAH dalam membuat keputusan. Faktor-faktor demografik, komunikasi, sikap dan ciri-ciri personaliti digunakan sebagai angkuabah bebas.

Saiz sampel yang digunakan dalam kajian ini ialah seramai 45 orang pengusaha-pengusaha projek ekonomi pertanian yang telah diberikan kursus motivasi. Mereka dipilih secara rawak dari penduduk-penduduk kampung tradisional dalam kawasan KETENGAH. Data telah dianalisa menggunakan program "Statistical Package for Social Science" versi 4.0.

Penemuan kajian menunjukkan tahap penglibatan dalam membuat keputusan pengusaha-pengusaha projek ekonomi tersebut berada di tahap sederhana. Begitu juga dengan tahap sikap terhadap pembaharuan dan ciri-ciri personaliti orientasi pencapaian. Selain daripada itu didapati terdapat perkaitan yang bererti antara pendapatan keluarga dengan tahap penglibatan. Boleh juga dikatakan terdapat perbezaan dalam penglibatan di antara kumpulan yang pernah bersekolah dan tidak, begitu juga antara kumpulan yang hanya menghadiri kursus khas sahaja dan yang menghadirinya bersama-sama dengan kursus lain. Lain-lain faktor yang dikaji, iaitu pendedahan kepada maklumat, tanggapan terhadap usaha pengembangan, sikap terhadap pegawai-pegawai KETENGAH, sikap terhadap pembaharuan dan ciri-ciri personaliti yang terdiri dari

orientasi pencapaian, "efficacy in public affair", orientasi perancangan, serta "optimism" mempunyai perkaitan yang positif dan bererti dengan penglibatan dalam membuat keputusan. Hanya umur menunjukkan perkaitan negatif dengan penglibatan.

Kajian ini mengesyorkan supaya tahap penglibatan pengusaha dipertingkatkan lagi melalui pengolahan semula kursus yang dilaksanakan pada masa hadapan. Kurikulum baru yang menumpukan kearah latihan berfikir dalam mengenalpasti dan mengatasi masalah haruslah ditekankan supaya pengusaha-pengusaha dapat menjadi lebih berdikari. Selain daripada memperbaiki jentera pentadbiran KETENGAH yang berkaitan dengan perkara ini juga dicadangkan supaya pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dengan pembangunan pengusaha-pengusaha ini dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik dan berkesan lagi.

ABSTRACT

The main objective of the study was to investigate factors associated with involvement of respondents in making decisions related to agricultural activities. Specifically, the study was aimed to determine the level of involvement of local entrepreneurs in deciding agriculture-based activities initiated by KETENGAH. Selected demographic, communication, attitudes and personality factors were used as independent variables.

Forty-five agriculture-related entrepreneurs from the traditional villages in KETENGAH who have undergone specific motivational courses were selected as respondents. A structured interview was administered with each respondent. Data were then analyzed using the "Statistical Package for Social Science" version 4.0.

The study revealed that respondents made about 50 percent of the decisions related to their agricultural activities. The level of attitudes towards renewal and their characteristic toward achievement-orientation were found to be moderate. In addition, there was a significant relationship between family income and level of involvement in decision making. A significant difference was also observed between respondents' involvement in decision making and respondents' educational background and attendance in specific motivational courses organised by KETENGAH. Family income, exposure to relevant knowledge, attitudes towards extension work, attitudes towards KETENGAH extension officers, efficacy in public affairs, optimism, achievement-oriented personalities and orientation towards planning have positive



relationship with the level of involvement in decision making. Only age was found to have a negative relationship with the level of involvement in decision making.

Several recommendations are made for improving the entrepreneurs' involvement in decision making. Training designs ought to be reviewed. Learning activities should be directed toward improving problem solving and strategic planning skills of participants in order to reduce their dependency on external assistance. Management of local entrepreneurship development should be improved to enable officers to organize an efficient and effective service to their clients.



BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Pembangunan luar bandar Malaysia khususnya di kawasan-kawasan pembangunan Wilayah seperti Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) sehingga sekarang adalah masih lagi tertumpu kepada pembangunan sumber-sumber pertanian. Pembangunan luar bandar bolehlah dinyatakan sebagai satu proses yang dirancang dengan menggunakan apa sahaja bentuk tindakan atau komunikasi yang dibentuk untuk mengubah alam sekitar, teknik, institusi-institusi dan sikap penduduk seterusnya membasmi kemiskinan dan memperbaiki taraf hidup mereka. Dalam usaha melaksanakan pembangunan ini kerajaan melalui berbagai-bagai jentera pentadbiran telah melaksanakan program tertentu antaranya ialah program pembangunan masyarakat yang ditumpukan khusus untuk menukar sikap dan nilai hidup masyarakat dalam meningkatkan taraf ekonomi mereka.

Selain dari menyediakan kemudahan fizikal yang lengkap, masyarakat luar bandar juga perlu diterapkan dengan teknologi dan ilmu pengetahuan baru yang berkaitan dengan kehidupan seharian mereka melalui kerja-kerja pengembangan. Kerja-kerja pengembangan di Malaysia pada mulanya dipelopori oleh Jabatan

Pertanian, tetapi kemudiannya kerja ini telah dilaksanakan juga oleh lain-lain jabatan dan agensi kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Perikanan, Lembaga Pertubuhan Peladang, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan lain-lain lagi (Abdul Manaf, 1986).

Selain dari itu, menurut Abu Bakar (1985) kerja-kerja pengembangan sebelum kemerdekaan hanya banyak tertumpu kepada pembangunan komoditi seperti getah dan sebagainya tanpa memberi penekanan kepada unsur-unsur sosio-ekonomi dan kemanusiaan (dipetik dari Abdul Manaf, 1986). Walau bagaimanapun, perkara ini telah berubah sejak pelancaran Buku Merah pada tahun enam puluhan di mana aspek-aspek sosial terutamanya perkara-perkara berkaitan perubahan sikap telah diberikan penekanan.

Sehingga sekarang kerja pengembangan ini telah dilakukan oleh berbagai-bagai agensi mengikut matlamat penubuhan serta peranan yang ditetapkan. Dalam hal ini, mulai awal tahun lapan puluhan kebanyakan Lembaga Kemajuan Wilayah, termasuk KETENGAH, telah mulai turut sama terlibat dalam kerja-kerja pengembangan terutamanya melalui aktiviti pembangunan masyarakat.

Peranan KETENGAH dalam Program Pembangunan Masyarakat

Bagi mempercepatkan pembangunan kawasan-kawasan luar bandar kerajaan telah melakukan berbagai-bagai usaha di antaranya menubuhkan beberapa buah Lembaga Kemajuan Wilayah dan salah sebuah daripadanya ialah Lembaga Kemajuan

Terengganu Tengah (KETENGAH) dinegeri Trengganu. KETENGAH telah ditubuhkan pada 12 April 1973 di bawah Akta 104 dengan tiga fungsi utama, iaitu:

- a) Memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam kawasan Terengganu Tengah;
- b) Memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan tempat tinggal, pertanian, perindustrian dan perdagangan dalam kawasan Terengganu Tengah; dan
- c) Mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan kegiatan- kegiatan yang tersebut di atas dalam kawasan Terengganu Tengah (KETENGAH 1990).

Fungsi diatas jelas menunjukkan bahawa peranan KETENGAH adalah cukup luas merangkumi sebahagian besar dari aspek kehidupan penduduk di kawasannya. KETENGAH adalah sebuah agensi yang mempunyai pentadbirannya sendiri dan tidak banyak bergantung kepada lain-lain pihak bagi melaksanakan fungsinya. Perkara ini akan memudahkan ianya bergerak bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Segala program pembangunan yang telah dijalankan oleh KETENGAH sehingga tahun 1990 adalah berpandukan oleh sebuah syarikat perunding. Kajian ini dikenali dengan nama "Hunting Studies". Kajian tersebut memberikan tumpuan kepada pembangunan fizikal dan penyediaan infrastruktur seperti pembangunan bandar, jalan, eletrik, air, pembangunan ladang serta tapak industri. Dua perkara penting yang juga telah dicadangkan dalam kajian ini ialah konsep pemusatan

penempatan dan pemusatan perkilangan. Konsep pemusatan penempatan bermaksud mengumpulkan penduduk di lingkungan kawasan sekitar kedalam kawasan penempatan bandar-bandar baru yang dibina oleh KETENGAH.

Konsep yang kedua adalah pemusatan perkilangan yang bertujuan supaya hasil-hasil yang dikeluarkan dari kawasan ini akan diproses di dalam kawasan yang sama dan jika boleh sehingga ke peringkat yang boleh digunakan.

Sehingga sekarang kedua-dua konsep asas ini belum berjaya dicapai dengan sepenuhnya sebagaimana yang dirancangkan. Sebilangan besar penduduk-penduduk di kampung tradisi masih belum lagi berpindah ke bandar-bandar baru KETENGAH. Begitu juga dengan hasil keluaran dari kawasan ini belum boleh diproses sepenuhnya di kawasan yang sama. Pada peringkat awal pembangunan, unsur-unsur pembangunan manusia yang berbentuk pembangunan nilai dan sikap tidak sebegitu ditekankan. Walau bagaimanapun keadaan ini telah berubah mulai awal tahun 1980an di mana KETENGAH telah mulai mengorak langkah untuk merancang dan melaksanakan program-program pembangunan masyarakat kepada penduduk-penduduk di kawasannya.

Latar Belakang Masaalah

Taklimat Pengurus Besar KETENGAH (1987), menyatakan bahawa di samping membangunkan bandar-bandar baru dengan penyediaan berbagai-bagai kemudahan infrastruktur fizikal, KETENGAH juga sedang giat menjalankan aktiviti pembangunan masyarakat mulai tahun 1981 yang melibatkan penduduk-penduduk di

bandar baru dan juga kampung-kampung tradisi. Seterusnya tujuan aktiviti ini adalah untuk mewujudkan suasana serta keadaan yang menarik dalam bidang sosial, ekonomi dan kebudayaan yang dapat mendorong perubahan penduduk kepada beberapa sifat-sifat positif seperti perubahan sikap, semangat berdikari dan cenderung kepada kemajuan dan akhirnya menimbulkan penyertaan yang aktif rakyat dalam segala lapangan pembangunan.

KETENGAH dalam permohonan belanjawan 1993 pula menyatakan jenis-jenis aktiviti pembangunan masyarakat yang telah dilaksanakannya ialah projek-projek ekonomi, aktiviti keagamaan, pendidikan dan latihan, kebajikan dan sosial, sukan dan kebudayaan dan latihan tenaga manusia. Sehingga akhir tahun 1991 kesemua aktiviti-aktiviti ini telah menelan belanja sebanyak RM1,658,360 daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM253,893,575. (Laporan Prestasi Suku Tahun Pertama 1992 KETENGAH).

Dalam usaha melaksanakan tugas ini KETENGAH melalui satu unit khas (Unit Pembangunan Sosial dan Institusi) juga memainkan peranan untuk memajukan aspek-aspek sosial dan ekonomi penduduk. Perkara ini penting bagi menentukan penumpuan ke arah aktiviti tersebut dapat membuahkan hasil yang berkesan berbanding dengan perlaksanaannya di bawah struktur lama yang lebih mirip kepada pembangunan fizikal. Bagi memastikan tugas pembangunan manusia ini dapat dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan, pegawai-pegawai di dalam Unit ini telah dihantar berkursus dalam bidang-bidang yang berkaitan.

Satu usaha besar yang telah dilakukan oleh KETENGAH mengenai perkara ini ialah mewujudkan kerjasama persefahaman dengan pihak Universiti Pertanian Malaysia bagi melatih pegawai-pegawai KETENGAH khususnya dari unit UPSI dan seterusnya bersama-sama mengadakan program-program kemasyarakatan berbentuk sosial dan ekonomi bagi membangunkan masyarakat KETENGAH. Penumpuan yang dibuat adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang perlunya mereka mengusahakan sesuatu projek bagi memperbaiki taraf ekonomi berdasarkan sumber yang ada padanya.

Dengan panduan pakar dari UPM kerja-kerja pengembangan bagi masyarakat KETENGAH telah dibuat melalui berbagai-bagai kempen dan pujukan sama ada berbentuk perbualan, perbincangan atau ceramah-ceramah motivasi yang dibuat dari masa ke masa. Selepas itu sebilangan penduduk yang difi berminat memajukan diri mereka dan masyarakat setempat dipilih untuk menghadiri kursus-kursus bagi meningkatkan daya motivasi mereka. Penduduk yang terpilih ini adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai sifat-sifat positif seperti, keinginan memajukan diri, kesanggupan mengorbankan masa, alat, tenaga dan modal, kesabaran dan ketabahan mencari kemahiran, keinginan berdikari, kesanggupan bersatu dan membantu, gigih, berdisiplin, punyai daya kreativiti, bersikap jujur dan amanah, sopan santun, berpengaruh, tidak tamak, adil serta bertakwa. (KETENGAH 1991).

Mereka seterusnya didedahkan kepada pengetahuan teknikal dan dibawa melihat projek-projek ekonomi yang telah berjaya dengan harapan dapat mencetuskan motivasi mereka untuk memulakan sesuatu projek yang baru atau memperbaiki projek yang sedang diusahakan sekarang.

Penduduk seboleh-bolehnya dikehendaki melibatkan diri mereka sepenuhnya dalam projek yang akan dilakukan kerana pihak KETENGAH dan UPM percaya bahawa penglibatan peserta adalah merupakan faktor penting yang boleh menyebabkan seseorang berjaya dalam apa sahaja yang mereka lakukan. Walau bagaimana pun penduduk kampung (pengusaha projek ekonomi) dalam keadaan yang serba kekurangan telah juga dipengaruhi oleh pihak-pihak lain dalam memutuskan sesuatu perkara berkait dengan projek ekonomi yang mereka lakukan. Setelah hampir tiga tahun program ini dilaksanakan, seramai 182 orang penduduk telah diberi kursus mengikut cara yang dibentuk oleh pakar dari UPM. Hasil daripada usaha ini seramai 19 orang pengusaha yang dilatih didapati telah berjaya dan diiktiraf oleh KETENGAH sebagai mereka yang layak untuk menjadi "penggerak" sebagaimana yang dirancangan.

Satu daripada ciri-ciri penting yang perlu ada pada pengusaha yang baik adalah mereka yang dapat membuat keputusan yang tepat tanpa banyak bergantung kepada orang lain. Dalam lain perkataan pengusaha yang baik ini adalah mereka yang banyak terlibat dalam membuat keputusan mengenai sesuatu perkara tanpa banyak campur tangan dari pihak lain.

Penglibatan merupakan suatu elemen yang penting bagi memastikan kejayaan sesuatu projek (Oakley dan Marsden 1984). Beberapa pengkaji terdahulu telah membuktikan mengenai perkara ini contohnya kajian oleh Abdul Manaf (1986) mendapati kejayaan Sistem Latihan dan Lawatan (2L) adalah bergantung kepada penglibatan petani-petani. Beliau juga mendapati bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penglibatan petani dalam sistem ini ialah faktor-faktor demografi, situasi, peribadi, sikap dan tanggapan.

Kepentingan penglibatan dalam membuat keputusan adalah berhubung rapat dengan penglibatan di peringkat pelaksanaan. Mohd Yusof (1983) dalam kajiannya bertajuk Penglibatan Isteri-isteri Petani Dalam Membuat Keputusan Mengenai Perbelanjaan Keperluan Rumah (household) dan ladang mendapati faktor komunikasi, saiz ladang, tahap pelajaran dan ahli-ahli keluarga lain turut sama mempengaruhi keputusan yang dibuat.

Bahaman (1992) melihat penglibatan dalam empat peringkat ia-itu 1) membuat keputusan, 2) pelaksanaan, 3) faedah dan 4) penilaian. Beliau seterusnya mendapati secara keseluruhannya penglibatan yang dikaji adalah rendah dalam Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu.

Penyertaan dalam proses membuat keputusan bagi ketua-ketua peneroka didapati dipengaruhi oleh sikap kakitangan pengembangan (Pengurus ladang) terhadap peranan mereka dalam program yang memerlukan maklumat yang kurang objektif berbanding program sebaliknya. Tahap pelajaran juga didapati mempengaruhi

penglibatan dalam jenis tugas yang memerlukan keputusan. Tahap penglibatan pula didapati tidak sama didalam setiap peringkat membuat keputusan (Aminah, 1987).

Kenyataan Masalah

Majunya sesuatu masyarakat itu adalah bergantung kepada kualiti setiap individu yang ada di dalam masyarakat tersebut. Satu daripada kualiti baik yang perlu ada dalam setiap individu ialah dapat berdikari dalam kehidupan tanpa banyak bergantung kepada pihak lain. Perkara ini penting khususnya kepada pengusaha-pengusaha projek ekonomi di kawasan KETENGAH terutamanya dalam menjalankan projek. Adakah pengusaha-pengusaha ini terlalu bergantung kepada pihak lain di dalam menjalankan projek mereka terutamanya dalam membuat keputusan ?.

Sekiranya tidak, sejauh manakah penglibatan mereka dalam membuat keputusan mengenai projek ekonomi mereka yang menjadi punca utama pendapatan?. Adakah mereka hanya menjadi 'pak turut' dalam menjalankan projek sendiri disebabkan terlalu banyak kelemahan yang ada pada mereka?.

Selaras dengan penemuan kajian terdahulu berkaitan dengan penglibatan, kajian ini bertujuan untuk mengetahui sama ada faktor-faktor yang sama juga mempengaruhi penglibatan pengusaha-pengusaha projek ekonomi di kawasan KETENGAH dalam membuat keputusan berhubung dengan projek tanaman mereka.

Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menentukan faktor-faktor yang berkaitan dengan penglibatan dalam membuat keputusan terhadap projek yang sedang dijalankan oleh pengusaha-pengusaha projek ekonomi di kawasan KETENGAH. Objektif kajian secara spesifik pula ialah untuk:

- i) Menentukan tahap penglibatan responden dalam membuat keputusan bagi aktiviti-aktiviti ekonomi pertanian yang sedang dilaksanakan oleh mereka;
- ii) Menentukan hubungan antara tahap penglibatan dalam membuat keputusan responden dengan faktor-faktor demografik terpilih iaitu umur, taraf pelajaran, pendapatan, latihan, penglibatan dalam organisasi, dan saiz projek;
- iii) Menentukan hubungan antara tahap penglibatan dalam membuat keputusan responden dengan faktor-faktor komunikasi iaitu pendedahan kepada maklumat dan khidmat pengembangan yang diberikan oleh agensi-agensi pelaksana;
- iv) Menentukan hubungan antara tahap penglibatan dalam membuat keputusan responden dengan faktor-faktor sikap responden iaitu sikap ke atas program pembangunan, pegawai-pegawai KETENGAH dan pegawai-pegawai dari agensi-agensi lain; dan

- v) Menentukan hubungan antara tahap penglibatan dalam membuat keputusan dengan ciri-ciri personaliti yang dimiliki oleh responden iaitu orientasi pencapaian, "efficacy in public affair", orientasi perancangan dan "optimism".

Kepentingan Kajian

Keputusan daripada kajian ini adalah penting kepada KETENGAH khususnya untuk mengetahui faktor-faktor yang mendorong penduduk-penduduk memutuskan untuk melaksanakan projek ekonomi dan seterusnya menjadikannya sebagai panduan untuk perancangan di masa hadapan. Dengan itu mana-mana kelonggaran program yang ada akan dapat diperkembangkan dan seterusnya diharapkan program tersebut akan dapat berjalan dengan lancar bagi mencapai matlamat sebagaimana yang telah ditetapkan.

Selain dari itu di KETENGAH kajian sebegini belum pernah lagi dibuat. Adalah diharapkan kajian ini akan menjadi perintis kepada kajian-kajian selanjutnya di masa hadapan yang mana hasilnya akan dapat memberi faedah khususnya kepada KETENGAH dan amnya menjadi panduan kepada lain-lain Lembaga Kemajuan Wilayah.

Batasan Kajian

Kajian ini hanya ditumpukan khusus kepada penduduk yang terlibat dengan program pengembangan antara KETENGAH dan UPM sahaja. Kajian ini juga tidak